

# Tingkat kebolehpasaran bidang kejuruteraan

► UMS, HSS Engineers Berhad meterai kerjasama

Oleh SITI AISYAH  
NARUDIN

**P**ERJANJIAN memorandum persefahaman (MoU) antara Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan HSS Engineers Berhad bakal membawa manfaat besar kepada mahasiswa jurusan kejuruteraan.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMS Prof Dr Shahril Yusof berkata, MoU berkenaan sebahagian daripada sambilan Bidang Keberhasilan Utama di bawah pelan strategik 2018-2019.

Menurutnya, ia seiring dengan kerjasama yang menyumbang kepada pembangunan negeri dan negara.

Katanya, jalinan usahasama itu juga membolehkan pelajar untuk menimba pengalaman dalam bidang perindustrian



**SHAHRIL (tiga dari kiri) bersalaman dengan Kunasingam (dua dari kanan) pada majlis MoU itu sambil diperhatikan tetamu undangan lain.**

menerusi dunia kerja sebenar yang ditetapkan untuk pengajian pelajar.


“Salah satu usaha yang dimeterai dalam MoU ini termasuklah penubuhan pejabat jururunding mengajar di Fakulti Kejuruteraan. Ia melibatkan

pelajar dengan projek sebenar di bawah penyeliaan kakitangan HSS Engineers Berhad.

“Ini sudah tentu menjadi nilai tambah kepada ijazah pelajar dan meningkatkan kebolehpasaran mereka pada masa hadapan.

“Pada masa sama, HSS Engineers Berhad turut menjadi sebahagian daripada pengajaran dan pembelajaran menerusi Program ‘Engineering Talk Series’,” katanya.

Shahril berkata demikian ketika berucap pada Majlis



**WAKIL dari kedua-dua pihak UMS dan HSS Engineers Berhad merakamkan kenangan selepas majlis itu.**

Menandatangani MoU antara UMS dan HSS Engineers Berhad di Kota Kinabalu pada Selasa.

Menurutnya, UMS juga berjaya memenuhi keperluan yang ditetapkan Majlis Akreditasi Kejuruteraan supaya menempatkan tiga jurutera profesional untuk

setiap program kejuruteraan.

Sehubungan itu, beliau berharap jalinan kerjasama antara UMS dan HSS Engineers Berhad akan terus berkembang sama ada menerusi bidang penyelidikan mahupun peluang perundingan.

Sementara itu, Pengasas

Bersama yang juga Naib Pengerusi Eksekutif HSS Engineers Berhad Tan Sri Kunasingam V Sittampalam berkata, MoU yang dimeterai itu bakal membuka jalan kerjasama yang berterusan antara kedua-dua pihak.

“Fokus dalam pendidikan dan projek mampu memperkukuhkan setiap kunci kekuatan, kepakaran dan sumber antara UMS dan HSS Engineers Berhad.

“Universiti juga tidak dapat mengelak daripada meneruskan kerjasama dengan rakan industri bagi mengenal pasti nilai pendidikan untuk pelajar,” jelasnya.

“Salah satu usaha yang dimeterai dalam MoU ini termasuklah penubuhan pejabat jururunding mengajar di Fakulti Kejuruteraan. Ia melibatkan pelajar dengan projek sebenar di bawah penyeliaan kakitangan HSS Engineers Berhad.”

**PROF DR SHAHRIL YUSOF**

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMS